

# DUOLIN METERED DOSE INHALER

Salbutamol sulphate/Ipratropium bromide (100mcg/20mcg per actuation)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DUOLIN INHALER
2. Bagaimana DUOLIN INHALER berfungsi
3. Sebelum mengambil DUOLIN INHALER
4. Cara menggunakan DUOLIN INHALER
5. Semasa menggunakan DUOLIN INHALER
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DUOLIN INHALER
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan DUOLIN INHALER

Nama ubat anda adalah DUOLIN INHALER. Ia digunakan untuk rawatan bronkospasme (penyempitan saluran pernafasan ke dalam paru-paru) berbalik yang berkaitan dengan penyakit halangan saluran pernafasan pada orang yang memerlukan lebih daripada satu ubat bronkodilator (pelebaran saluran pernafasan)

## Bagaimana DUOLIN INHALER berfungsi

DUOLIN INHALER mengandungi dua ubat-ubatan yang berbeza dipanggil:

- Ipratropium bromide dan
- Salbutamol sulphate

Kedua-dua tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai bronkodilator. Ia berfungsi melegakan otot di sekitar saluran pernafasan supaya saluran pernafasan dibuka dan anda boleh bernafas lebih mudah.

## Sebelum mengambil DUOLIN INHALER

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil DUOLIN INHALER jika

- Anda alah (hipersensitif) terhadap ipratropium atau salbutamol atau mana-mana bahan-bahan lain dalam DUOLIN INHALER.
- Anda mempunyai masalah jantung yang dikenali sebagai '*hypertrophic obstructive cardiomyopathy*'. Ini

ialah di mana dinding antara keduanya ruang jantung menjadi lebih besar dan menghalang aliran darah.

- Anda mempunyai denyutan jantung yang sangat cepat (dipanggil '*tachyarrhythmia*')
- Anda alah kepada lesitin soya atau produk makanan yang berkaitan seperti kacang soya dan kacang tanah.

### -Sebelum mula mengambil

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan DUOLIN INHALER jika

- Anda mempunyai Glaukoma (peningkatan tekanan di dalam mata), atau telah diberitahu bahawa anda mungkin akan mengalaminya
- Anda mempunyai masalah jantung atau peredaran darah, atau telah mempunyai serangan jantung baru-baru ini
- Anda mempunyai kencing manis
- Anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif
- Anda pernah mengalami *pheochromocytoma* (sejenis tumor kelenjar adrenal yang jarang)
- Anda adalah seorang lelaki yang mempunyai masalah pembesaran prostat
- Anda mempunyai *cystic fibrosis* (Penyakit genetik progresif, yang menyebabkan jangkitan paru-paru yang berterusan dan menghadkan keupayaan untuk bernafas dari masa ke masa)

Jika anda tidak pasti jika mana-mana di atas berkenaan dengan anda, bincang dengan doctor atau ahli farmasi sebelum menggunakan DUOLIN INHALER

### Kehamilan dan menyusu

Duolin tidak boleh digunakan semasa kehamilan, terutamanya trimester pertama atau jika anda menyusukan bayi kecuali manfaat yang dijangka melebihi risiko yang mungkin berlaku kepada bayi yang baru lahir. Minta nasihat doktor anda sebelum mengambil apa-apa ubat

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat-ubat yang lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi. Ini

termasuk ubat-ubatan herba. Ini kerana DUOLIN INHALER boleh mempengaruhi cara sesetengah ubat-berfungsi. Sesetengah ubat-ubatan lain boleh mempengaruhi cara DUOLIN INHALER berfungsi. Khususnya, beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan berikut:

- Ubat-ubatan steroid
- Tablet air (juga dikenali sebagai 'Diuretic')
- Ubat untuk kemurungan seperti tricyclic antidepressants atau monoamine oxidase inhibitors
- Ubat-ubatan untuk membantu pernafasan anda seperti xanthine derivatives
- Ubat-ubatan yang dikenali sebagai antiikolinergik
- Ubat-ubatan yang dikenali sebagai 'penghalang beta'. Ini boleh digunakan untuk merawat masalah jantung, tekanan darah tinggi atau migrain
- Digoxin - digunakan untuk denyutan jantung yang cepat atau kegagalan jantung

Jika anda tidak pasti sama ada mana-mana diatas berkenaan dengan anda, bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan DUOLIN INHALER

## Pembedahan

Beberapa gas yang digunakan dalam pembedahan (gas anestetik seperti halothane, trichloroethylene dan enflurane) boleh menjelaskan cara ubat anda berfungsi. Jika akan menjalani pembedahan, pastikan anda maklumkan doktor, doktor gigi atau pakar bius yang anda sedang menggunakan DUOLIN INHALER.

## Cara menggunakan DUOLIN INHALER

### Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa gunakan DUOLIN INHALER tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti. Ikut arahan ini untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Jika anda masih tidak jelas selepas membaca risalah ini,

# DUOLIN METERED DOSE INHALER

Salbutamol sulphate/Ipratropium bromide (100mcg/20mcg per actuation)

minta nasihat dari doktor anda, ahli farmasi atau jururawat

Dewasa (termasuk warga tua) dan kanak-kanak lebih 12 tahun:

Dos yang disyorkan adalah 2 sedutan, 4 kali sehari. DUOLIN INHALER tidak digalakkan untuk kanak-kanak bawah 12 tahun.

#### -Bila perlu digunakan

Ia adalah sangat penting untuk anda mengikut arahan doktor anda tentang berapa banyak sedutan untuk diambil dan berapa kerap menggunakan alat sedut anda.

#### -Berapa lama perlu digunakan

Gunakan alat sedut anda untuk tempoh yang ditetapkan oleh doktor untuk anda.

#### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos, ambil ia sebaik sahaja anda mengingatnya

- Walau bagaimanapun, jika sudah tiba masanya untuk dos seterusnya, langkau dos yang tidak diambil
- Jangan ambil dos yang berganda untuk mengantikan dos yang terlupa. Jika anda mempunyai pertanyaan lanjut, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

#### -Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda menganggap anda atau sesiapa mungkin mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Mengambil terlalu banyak boleh menyebabkan paras kalium yang rendah di dalam darah, sakit dada, tekanan darah tinggi dan denyutan jantung cepat

#### **Semasa menggunakan DUOLIN INHALER**

##### -Perkara yang perlu dilakukan

Jika dos yang disyorkan tidak memberi kesan yang diingini, rujuk kepada doktor anda. Ia adalah merbahaya

untuk melebihi dos yang disyorkan. Jangan gunakan lebih daripada doktor anda memberitahu anda. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DUOLIN INHALER. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini. Berjumpa dengan doktor dengan segera sekiranya kesukaran bernafas yang menjadi teruk dengan mendadak

##### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berikan Alat penyedut DUOLIN INHALER kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan yang sama seperti anda

##### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda merasai ubat anda tidak berfungsi seperti biasa. Doktor anda mungkin perlu menyemak semula bagaimana ubat anda berfungsi. Penjagaan mesti diambil untuk mengelakkan Duolin daripada memasuki mata

#### **Kesan-sesan sampingan**

Seperti semua ubat, DUOLIN INHALER boleh menyebabkan kesan-sesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

- Jika selepas mengambil DUOLIN INHALER, anda semput atau mengalami masalah lain dalam pernafasan, jangan mengambil apa-apa lagi (kecuali jika anda telah diberitahu oleh doktor anda)

-Gementar

-Menggeletar

-*Tachycardia* (kadar denyutan jantung cepat yang luar biasa)

-Pening

-Palpitasi (debaran jantung)

-Sakit kepala

-Mulut kering, kerengsaan tekak, *dysphonia* (kesukaran bercakap)

-*Paradoxical bronchoconstrictions* (permulaan penyempitan saluran pernafasan mendadak yang tidak

dijangka berlaku sejurus selepas penggunaan ubat)

-Loya, muntah, berpeluh, kelemahan, kekejangan otot

-Tekanan darah tinggi atau rendah

-Komplikasi mata seperti pembesaran anak mata, peningkatan tekanan di dalam mata, sakit mata dan penglihatan kabur jika ubat memasuki mata

-Gangguan gastrous

-Pengekalan kencing

-Alergi seperti ruam kulit, gatal-gatal, angioedema (bengkak lapisan kulit yang lebih dalam) pada lidah, bibir, muka, geligata, *laryngospasm* (pengecutan peti suara)

-tindak balas anafilaktik (reaksi alergi yang boleh mengancam nyawa)

- hiperaktif pada kanak-kanak

Sesetengahnya adalah kesan sampingan yang ringan, tidak perlu berjumpa doktor. Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius atau memberi masalah kepada anda , atau jika anda perasan apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini , beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel. 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public --> Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety)

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan DUOLIN INHALER**

##### -Penyimpanan

-Simpan di bawah 30 ° C. Jangan membekukan.

-Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada karton dan label. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu. Simpan alat sedut di dalam karton luar untuk melindungi dari cahaya. Jauhkan dari pandangan dan jangkauan kanak-kanak.

##### -Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui sisa air atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak

# DUOLIN METERED DOSE INHALER

Salbutamol sulphate/Ipratropium bromide (100mcg/20mcg per actuation)

---

diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

DUOLIN INHALER adalah satu bekas berisi logam yang dilengkapi dengan injap dengan batang plastik. Pada pemeriksaan visual tidak ada tandanya kerosakan fizikal seperti penyok, bonjolan bekas membengkokkan batang injap dan pengelim tidak sekata. Serbuk berwarna putih diperolehi selepas membuka bekas.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif: Ipratropium bromide dan Salbutamol sulphate

-Bahan-bahan tidak aktif: Lactose monohydrate (micronised) dan Heptafluoropropane (HFA- propellant 227)

-Nombor. MAL: MAL07082851AZ

## Pengilang

Cipla Ltd.,  
Verna Industrial Estate  
Goa, 403722  
India

## Pemegang Pendaftaran Produk

Cipla Malaysia Sdn. Bhd.  
Suite 1101, Amcorp Tower,  
Amcorp Trade Centre,  
No. 18, Persiaran Barat  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

## Tarikh kemas kini RIMUP

30/08/2017

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)300817/00239